



SIARAN MEDIA
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN
SUKARELAWAN MENJADI TULANG BELAKANG MEREALISASIKAN
BORNEO FLORA FESTIVAL@ LABUAN 2025

Festival bunga terbesar di Kepulauan Borneo; Borneo Flora Festival@ Labuan 2025 (BFF 2025) yang dianjurkan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Perbadanan Labuan (PL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyasarkan kehadiran lebih 50,000 pengunjung dari dalam dan luar negara. Ini termasuk pengunjung dari negara-negara jiran dalam lingkaran BIMP-EAGA seperti Brunei Darussalam dan Indonesia yang memberikan sokongan penuh terhadap penganjuran BFF 2025 ini. Lebih 2000 sukarelawan dari Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS), Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Universiti Malaysia Sabah Kampus Kota Kinabalu (UMS), Kolej Matrikulasi Labuan (KML), JWP, PL, PPj, agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan sukan, ketua-ketua kampung di WP Labuan menjadi tulang belakang dalam merealisasikan penganjuran BFF 2025.

Aktiviti penyemaian dan penanaman biji benih tanaman pokok bunga semusim sebanyak 250,000 polibeg oleh 550 sukarelawan telah dilaksanakan semasa Siri Pertama Program Sukarelawan BFF pada 3 dan 4 Mei 2025 di Nurseri Pulau Buah, PL. Manakala semasa Siri Kedua Program Sukarelawan BFF pada 17 dan 18 Mei 2025, 650 sukarelawan telah melaksanakan kerja-kerja pemindahan benih pokok bunga semusim di Padang Membedai yang disemai semasa siri pertama program sukarelawan.

Bermula semalam, para sukarelawan giat memindahkan 200,000 pokok bunga semusim dari spesies *celosia*, *cosmos*, *marigold yellow* dan *orange* ini dari Padang Membedai ke tapak BFF di Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan. 877 orang sukarelawan pada hari ini berganding tenaga menyusun pokok-pokok bunga semusim berdasarkan 11 motif (*pattern*) Borneo Linangkit yang telah di susun atur mengikut reka bentuk taman.

Sebanyak 29 taman bertema yang direka secara kreatif dan luar biasa seperti Laman Magika, Under Water World Garden, Taman Glow In The Dark dan banyak lagi akan dipamerkan kepada pengunjung dan menjadi pilihan *spot* bergambar menarik untuk mencipta kenangan. Penganjuran BFF 2025 ini menjadi salah satu penganjuran program bertaraf antarabangsa dan berskala besar dalam merancakkan lagi pembangunan sosioekonomi penduduk pulau Labuan.

Disediakan oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat
Jabatan Wilayah Persekutuan
13 Julai 2025



Senarai Agensi Yang Terlibat Program Sukarelawan

1. Polis Diraja Malaysia (PDRM)
2. Mahkamah Anak Negeri (MAN)
3. Jabatan Bantuan Guaman Malaysia (JBG)
4. Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN)
5. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
6. Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBS)
7. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
8. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)
9. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)
10. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
11. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Labuan (PPTG WPL)
12. Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)
13. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)
14. Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)
15. Jabatan Perpaduan
16. Jabatan Laut Malaysia
17. Jabatan Bekalan Air Labuan (JBAL)
18. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)
19. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
20. Jabatan Alam Sekitar (JAS)
21. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
22. Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL)
23. Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
24. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
25. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
26. Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)
27. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
28. Persatuan Sukan
29. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
30. Insitut Latihan Perindustrian (ILP)
31. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)
32. Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (NIOSH)
33. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)
34. Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)
35. Jabatan Kerja Raya (JKR)
36. Kolej Matrikulasi Labuan
37. Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH)
38. Jabatan Kesihatan Negeri
39. Jabatan Tenaga Kerja Wilayah Persekutuan Labuan (JTK)
40. Jabatan Meteorologi Malaysia (MET)
41. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
42. Jabatan Pertanian (DOA)
43. Majlis Belia Malaysia (MBM)